

10 JULAI 2018

## Resepi istimewa maut

**HARIAN METRO**

# Resepi istimewa maut

■ Gaul ramuan ekstasi dengan perisa buah-buahan

**Nurul Hidayah Bahaudin**  
cnews@nsp.com.my

**Kuala Lumpur**

**G**aul serbuk minuman perisa buah-buahan limau, lemon, mangga dan anggur bersama serbuk dadah ekstasi, eramin 5 serta ketamin untuk dipasarkan ke pusat hiburan sekitar ibu kota.

Itu resipi istimewa dihasilkan seorang lelaki tempatan dan tiga teman wanita warga Vietnam yang dikesan menjadikan sebuah kondominium di Jalan Galloway, di sini, sebagai kilang operasi.

Aktiviti jenayah itu bagaimanapun terbongkar selepas polis menyerbu kediaman itu pada jam 7.20 malam Khamis lalu.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Seri Mazlan Lazim berkata, keempat-empat suspek berusia 23 hingga 35 tahun itu ditahan ketika sedang sibuk membungkus dadah ke dalam peket minuman.

Menurutnya, polis merampas 12 kilogram serbuk ekstasi, 80 pil ekstasi, 90 pil eramin 5 dan dadah jenis ketamin seberat lebih tujuh gram yang dianggarkan bernilai RM1.06 juta.

"Pemeriksaan di dalam kondominium itu menemui puluhan serbuk dadah yang diletakkan dalam peket minuman berperisa limau.

"Pemeriksaan lanjut terhadap peket minuman berkenaan mendapati terdapat serbuk dadah campuran ekstasi, eramin 5 dan ketamin," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Mazlan berkata, modus operendi sindiket itu adalah menggunakan orang tengah untuk memasarkan bekalan dadah itu kepada pusat hiburan di sekitar ibu kota ini.

"Sindiket ini yang diper-

cayai sudah aktif sejak enam bulan lalu menggunakan mengupah individu yang tidak terabit dengan dadah untuk membuat tugas pembungkusan.

"Hasil ujian awal saringan air kencing dilakukan terhadap empat-empat suspek terabit mendapati mereka negatif dadah.

"Jumlah dadah yang dirampas boleh dibekalkan kepada 40,000 pengunjung pusat hiburan," katanya.

Beliau berkata, semua suspek kini direman selama tujuh hari bermula 6 hingga

12 Julai ini bagi membantu siasatan mengikut Sekyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Kami sedang giat mengesan sindiket aktif melakukan kegiatan membabitkan dadah termasuk premis hiburan yang membekalkan dadah.

"Hingga kini, kami memohon kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menutup tiga premis hiburan yang terabit dengan kegiatan dadah.

"Orang ramai yang mengunjungi pusat hiburan dinasihatkan berhati-hati tidak terperangkap pengambilan dadah itu yang dicampur dalam minuman," katanya.



**MAZLAN** menunjukkan dadah yang dirampas di sebuah Kondominium Jalan Galloway, di sini.

**FAKTA**  
Polis rampas dadah dari kondominium